

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : The Malaysian Insider

TARIKH : Isnin, 19 Oktober 2015



### Bahasa Melayu umpama melukut ditepi gantang, kata pakar

Penggunaan Bahasa Melayu di kalangan rakyat Malaysia diibaratkan "melukut di tepi gantang", iaitu sesuatu yang tidak dihargai sangat oleh kerana masyarakat kini tidak lagi menghiraukan kepentingan menguasai bahasa itu dengan baik, kata pakar bahasa.

Felo Utama di Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia Prof Datuk Dr Teo Kok Seong berkata masyarakat kini sering memperkecilkan kedudukan, nilai dan fungsi Bahasa Melayu malah lebih mengangkat bahasa luar yang dianggap mengikut arus pemodenan.

"Walaupun bahasa ibunda ini adalah bahasa rasmi negara tetapi masyarakat Melayu khususnya seolah-olah telah hilang rasa hormat kepada Bahasa Melayu dengan memperlekehkan bahasa ini seperti penggunaan laras bahasa yang tidakbetul," katanya ketika menjawab soalan peserta program Bicara Bahasa: Ungkaian Keindahan Bahasa Dari Buku Nadir dan Manuskrip Melayu, di Kuala Lumpur hari ini.

Program anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) itu dirasmikan oleh Ketua Pengarahnya Nafisah Ahmad, turut disertai oleh Ketua Jabatan Bahasa Melayu Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya Prof Dr Abdul Razak Ab Karim, dan Pegawai Perancang Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka Azman Ahmad sebagai moderator.

Biarpun Teo berbangsa Cina, beliau menganggap penguasaan Bahasa Melayu yang tulen dan baik menggambarkan nilai jati diri seseorang tambahan pula apabila telah memegang status warganegara Malaysia. Beliau berkata akibat daripada penyerapan Bahasa Inggeris yang dijadikan perkataan dalam Bahasa Melayu khususnya di premis perniagaan, menyebabkan golongan muda kini kehilangan kemahiran berbahasa Melayu dengan mudah.

"Sebagai contoh, golongan muda kini tidak lagi mengetahui maksud sebenar perkataan 'deposit' yang digunakan di kebanyakan bank yang membawa maksud 'cengkeram', " katanya.

Teo turut menyelar tindakan sesetengah masyarakat bukan Melayu yang tidak tahu bertutur dalam Bahasa Melayu memandangkan syarat wajib menjadi warganegara Malaysia adalah fasih bertutur dalam bahasa itu.

"Kebanyakan masyarakat bukan Melayu hanya menjadikan Bahasa Melayu sebagai instrumental sahaja iaitu menjadikan bahasa ini sebagai alat untuk lulus dalam peperiksaan di sekolah mahupun peperiksaan kerajaan," katanya.

Sementara itu, Abdul Razak berkata punca penguasaan Bahasa Melayu yang lemah adalah akibat kejahanan individu mengenai sejarah bahasa itu sendiri, di samping masyarakat yang tidak bersatu padu. "Zaman dahulu Bahasa Melayu pernah diangkat menjadi bahasa dunia atau 'lingua franca' tetapi kini bahasa ini umpama 'kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan' kerana masyarakat lebih menghiraukan dan mahir dalam bahasa asing daripada bahasa asal (Bahasa Melayu) sendiri," katanya.

Program bicara bahasa yang diadakan sempena Bulan Bahasa Kebangsaan itu mengupas mengenai keindahan Bahasa Melayu di dalam koleksi buku nadir dan manuskrip Melayu yang meliputi pantun, syair, dan cerita-cerita hikayat antaranya Hikayat Hang Tuah dan Hikayat Merong Mahawangsa. Kini, sebanyak 4,778 naskhah koleksi manuskrip Melayu dan 2,332 naskhah koleksi nadir dalam simpanan PNM yang boleh dijadikan sebagai bahan rujukan orang awam. –

**Bernama, 19 Oktober, 2015.**